

DAP desak penjelasan peningkatan 117% kos ubah suai Plaza Kotaraya JB
Malaysian Insider
Oct 11 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Projek ubahsuai Plaza Kotaraya di Johor Bahru (JB) yang dikendalikan oleh Damansara Assets Sdn Bhd (DASB), sebuah anak syarikat Perbadanan Johor mencatatkan peningkatan kos sebanyak 117% berbanding kos awalnya RM19 juta pada Disember 2010, menurut laporan Ketua Audit Negara 2012.

Timbalan Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP, Teo Nie Ching, berkata semakan audit mendapati kos sebenar bagi projek ini meningkat sebanyak RM22.27 juta menjadikan kos keseluruhan pada Ogos 2012 ialah RM41.27 juta.

"Kos pembangunan sahaja meningkat kepada RM26.87 juta berbanding kos awal yang hanya menelan belanja RM16.1 juta. Manakala yuran reka bentuk dan yuran perunding meningkat kepada RM5.1 juta berbanding kos awal yang hanya menelan belanja RM2.9 juta.

"Akibat daripada peningkatan kos ini, DASB terpaksa mencari sumber pembiayaan lain antaranya jualan tanah Perbadanan Johor kepada sebuah institusi kewangan berjumlah RM11.7 juta dan pinjaman RM8 juta daripada bank.

"DASB juga bercadang untuk menjual tanah miliknya dan hasil jualan lot pejabat projek Kempas Town Centre turut dijadikan sumber pembiayaan projek ini. Perkara ini menunjukkan kegagalan DASB dalam membuat perancangan kewangan yang sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Ahli Parlimen Kulai itu turut membangkitkan kegagalan urus tadbir DASB iaitu tunggakan sewa bangunan berjumlah RM4.87 juta dari 2010 sehingga Ogos 2012.

Katanya, tunggakan itu meningkatkan hutang lapuk dan liabiliti selain menunjukkan kegagalan Perbadanan Johor dan DASB dalam mengendalikan projek dan hartanah negeri Johor untuk mendatangkan manfaat yang besar kepada rakyat Johor.

"Sebanyak 281 penyewa tidak aktif pada 2012 meningkat daripada 264 pada 2011 di beberapa kawasan termasuk Komtar, Plaza Kotaraya dan Terminal Bas.

"Jumlah tunggakan sehingga Ogos 2012 adalah RM1.65 juta meningkat berbanding tahun sebelumnya yang hanya mencatatkan RM1.46 juta. Jika dijumlahkan jumlah tunggakan dari 2010 berjumlah RM4.87 juta.

"Perbadanan Johor dan DASB harus memberi penjelasan terhadap peningkatan kos sebanyak 117% dalam projek ubah suai Plaza Kotaraya dan tunggakan sewa bangunan DASB.

"Mereka harus memperkemas dan meningkatkan tadbir urus korporat supaya sumber kewangan negeri Johor tidak disalahgunakan untuk menanggung ketidakcekapan mereka dalam pengurusan hartanah negeri," katanya. – 11 Oktober, 2013.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-desak-penjelasan-peningkatan-117-kos-ubah-suai-plaza-kotaraya-jb>